

# Ekonomi



**KUALA LUMPUR**  
(Indeks Komposit)  
(+6.31) mata  
1,569.51




**SINGAPURA**  
(Straits Times)  
(+2.32) mata  
3,257.30



**TOKYO**  
Nikkei  
(-276.53) mata  
28,489.13



**NEW YORK**  
Dow Jones  
(+38.30) mata  
36,290.32



## Pekerja asing sektor perladangan dibawa masuk bulan depan

\* Oleh **AMIRAH AHMAD**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan yakin ke-  
masukannya ribuan pekerja asing  
untuk sektor perladangan di se-  
luruh negara bulan depan mam-  
pu menangani isu kekurangan  
bekalan produk minyak sawit.



**ZURAIDA KAMARUDDIN**

Menteri Perusahaan Perla-  
dangan dan Komoditi, Datuk  
Zuraida Kamaruddin, ia diharap  
dapat mengatasi kemerosotan  
bekalan komoditi itu bagi me-  
enuhi permintaan tinggi du-  
nia.

“Difahamkan, pada tahun  
lalu negara hanya mampu  
mengeluarkan sekitar 18 juta  
tan tetapi dari segi pendapatan  
melonjak kerana kekurangan  
itu mengakibatkan harga pula  
naik,” jelasnya dalam sidang  
akhbar selepas merasmikan  
Seminar Semakan dan Tinjauan  
Ekonomi Minyak Sawit 2022 an-  
juran Kementerian itu di Hotel  
Marriott di sini, semalam.

Seminar itu turut mendapat  
kerjasama Lembaga Minyak  
Sawit Malaysia (MPOB) den-  
gan sesi ucapan tama disam-

paikan oleh Ketua Pengarahnya,  
Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghu-  
lam Kadir.

Zuraida berkata, Menteri  
Sumber Manusia, Datuk Seri  
M. Saravanan dalam mesyuarat  
Kabinet semalam mengesahkan  
kemasukan pekerja asing sektor  
perladangan dijangka bermula  
pertengahan Februari setelah  
memorandum persetiahan  
(MoU) dimeterai dengan pelba-  
gai negara sumber dimuktama-  
kan dalam masa terdekat.

Ujar beliau, pekerja asing  
terbabit antaranya dari Indo-  
nesia, Bangladesh dan selatan  
Thailand kerana kosnya lebih  
murah serta berdasarkan pen-  
galaman sebelum ini dalam  
pembekalan buruh estet.

Jelasnya, kelewatan yang  
berlaku ketika ini disebabkan

ada beberapa isu teknikal yang  
perlu dirundingkan dengan tel-  
iti, termasuk soal gaji minimum  
apabila ada negara pembekal  
yang mahu ditetapkan sebanyak  
RM2,200 sebulan, tetapi ia me-  
merlukan persetujuan daripada  
pihak industri.

“Kalau mereka bersetuju  
sama dengan upah minimum  
pekerja Malaysia iaitu setakat  
RM1,500 sebulan, kita tiada  
masalah asalkan semua pihak  
berkaitan dapat faedah berse-  
ma,” katanya.

Zuraida berkata, setakat ini  
Indonesia dijangka bersetuju  
menghantar rakyat mereka un-  
tuk bekerja di ladang kelapa sa-  
wit, namun perlu dilihat semula  
MoU melibatkan pembantu ru-  
mah.

Beliau memberi jaminan, isu

kemelut pekerja ladang yang  
amat kritikal dapat ditangani  
antara kerajaan-ke-kerajaan  
(G2G) selain mendapat input  
daripada pelbagai pihak pemeg-  
ang taruh.

Jelasnya, masalah itu agak  
rumit kerana selain isu gaji, tu-  
rut diambil kira soal kebijakan  
pekerja khususnya penempatan  
asrama dan kemudahan samp-  
ingan lain.

Dalam pada itu, Kementerian  
optimis negara mampu menca-  
pai sasaran pendapatan eksport  
produk minyak sawit melepasi  
RM100 bilion tahun ini.

Zuraida berkata, walaupun  
ada pelbagai cabaran terutama  
kekurangan buruh dan isu wa-  
bak, eksport produk komoditi  
itu melonjak kepada RM95.76  
bilion pada 2021.